

23/05/2002

Pemuda mahu sistem kuota IPTA/IPTS diseragam

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno mendesak kerajaan mengambil langkah lebih tegas bagi meningkatkan jumlah pelajar Bumiputera di institusi pendidikan tinggi yang masih terlalu kecil berbanding bukan Bumiputera.

Pengerusi Biro Pendidikannya, Dr Adham Baba, berkata antara langkah perlu itu ialah menyeragamkan pelaksanaan sistem kuota di semua institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) sebagai asas bagi pengambilan pelajar.

Katanya, pergerakan itu berpendirian di samping merit, sistem kuota yang dilaksanakan sebelum ini dilaksanakan di IPTA perlu dipertahankan dan diperluaskan meliputi IPTS.

"Pemuda Umno kecewa kerana ketika ini IPTS bukan saja tidak melaksanakan sistem kuota, sesetengahnya seperti sengaja menolak pelajar Melayu yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kritikal," katanya kepada Berita Harian.

Ahad lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempersoalkan kenapa kemasukan pelajar ke IPTA dijadikan isu apabila ramai Bumiputera berjaya dipilih pada tahun ini berdasarkan sistem merit.

Sedangkan, kata Perdana Menteri, jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera di universiti tempatan dan luar negara masih terlalu kecil berbanding bukan Bumiputera.

Berikutan itu, Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) mencadangkan kerajaan mewajibkan IPTS melaksanakan sistem kuota jika mahu sistem itu digunakan semula bersama sistem merit bagi kemasukan pelajar ke IPTA.

Presidennya, Prof Madya Dr Abdul Rahman Daud, berkata keadilan sosial sebenar yang menggambarkan komposisi kaum di negara ini hanya akan wujud jika kemasukan ke IPTS juga mengamalkan pengambilan pelajar berasaskan sistem kuota seperti dilakukan terhadap IPTA sebelum ini.

Ketika ini, katanya, IPTS bukan saja tidak mengamalkan sistem berkenaan, malah pengambilan pelajar tidak berasaskan meritokrasi kerana yang mempunyai kelayakan minimum juga diterima masuk ke institusi berkenaan jika berkemampuan.

Pelbagai pihak mendesak kerajaan supaya mengkaji semula sistem merit berikutan pengurangan mendadak pelajar bukan Bumiputera yang berjaya ke IPTA.

Baru-baru ini, Kementerian Pendidikan mengumumkan seramai 32,752 lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan kelayakan setaraf termasuk 22,557 atau 68.9 peratus pelajar Bumiputera dipilih melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah pertama di 17 IPTA tahun ini.

Pemilihan kemasukan pelajar STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dibuat berasaskan sistem merit sepenuhnya bermula tahun ini dan bukan lagi sistem kuota mengikut kaum, yang memperuntukkan 55 peratus bagi pelajar Bumiputera dan 45 peratus bukan Bumiputera seperti yang diamalkan sebelum ini.

Dr Adham berkata, Pemuda Umno berpendirian sistem meritokrasi hanya sesuai untuk pengambilan pelajar mengikuti pengajian di fakulti tertentu tetapi sistem kuota masih diperlukan bagi kemasukan ke dalam bidang kritikal.

Katanya, langkah itu akan dapat membantu mengatasi masalah kekurangan profesional Melayu dalam bidang kritikal yang diperlukan oleh negara.

"Kita tidak menafikan pelaksanaan sistem merit berjaya menyuntik semangat dan keyakinan di kalangan pelajar Bumiputera.

"Bagaimanapun, sistem kuota perlu dipertahankan kerana kita sangat prihatin apabila mendapat tahu kira-kira 11,000 pelajar Bumiputera lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang berkecualan tidak berjaya memasuki IPTA tahun ini," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Pendidikan patut mengkaji semula kaedah pengambilan pelajar ke IPTA dan IPTS.

Beliau turut menyelar pihak yang mempertikaikan pelaksanaan sistem meritokrasi dan menyifatkan mereka sebagai golongan yang mempunyai kepentingan politik.

"Golongan berkepentingan ini sentiasa menyerang sistem yang kita laksanakan. Pemuda Umno ingin mengingatkan kita tidak pernah menyentuh sistem berasingan daripada sistem pendidikan kebangsaan. Kita sebenarnya melihat ini sebagai ancaman," katanya.

(END)